

21.7.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

899.2 JLH PADA JUN 2025: PENGGUNAAN AIR YANG LEBIH TINGGI DI PULAU PINANG MEMAKSA PBAPP MEMBEKALKAN LEBIH BANYAK AIR

- **Pada bulan Jun 2025, PBAPP telah menghasilkan purata 1,213.3 JLH air terawat (melebihi 1,208 JLH pada tahun 2024) untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi.**
- **Sehingga akhir Julai 2025, PBAPP sedang berusaha membekalkan lebih banyak air bagi menangani isu tekanan rendah secara berkala di kawasan tanah tinggi dan kawasan hujung paip agihan (HPA).**

PULAU PINANG, Isnin, 21.7.2025: Penggunaan air yang tinggi telah mendorong PBAPP untuk meningkatkan pengeluaran dan pembekalan air terawat di negeri ini.

Pada tahun 2024, purata penggunaan harian ialah 870 juta liter sehari (JLH). Pada Jun 2025, purata penggunaan harian meningkat kepada 899.2 JLH.

Sebagai respon, PBAPP telah menghasilkan purata 1,213.3 JLH air terawat di 10 loji rawatan air Pulau Pinang pada Jun 2025 (berbanding purata 1,208 JLH pada tahun 2024). Kadar air tidak terhasil (NRW) pula direkodkan pada 25.9%.

Namun begitu, PBAPP masih menerima aduan dan maklum balas berkaitan isu tekanan air rendah secara berkala ketika waktu puncak, khususnya daripada pengguna di kawasan tanah tinggi dan kawasan hujung paip agihan (HPA) di daerah-daerah berikut: Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.

Respons kejuruteraan bekalan air

Paras sungai Muda ialah 2.55 meter pada 19.7.2025. Tiada sebarang isu dilaporkan di kawasan muka sauk Lahar Tiang, Terusan Sungai Dua dan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua yang membekalkan lebih 80% air terawat untuk seluruh negeri Pulau Pinang.

PBAPP merancang untuk meningkatkan lagi pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua bagi membekalkan air ke kawasan SPT, SPS dan DBD. Kerja-kerja penyelarasaran operasi pengepaman air terawat dari Sungai Dua ke daerah-daerah berkenaan juga sedang dijalankan. Langkah ini diambil bagi meminimumkan risiko kejadian paip pecah atau kebocoran yang tidak disengajakan.

Pada masa yang sama, PBAPP melaksanakan tindakan kejuruteraan bekalan air berikut:

- Pengoptimuman pengeluaran air terawat di 9 LRA lain di seluruh negeri mengikut keperluan;
- Penanganan semua projek naik taraf LRA bagi memastikan pengeluaran air yang optimum secara berterusan (24/7);
- Audit bekalan air di kawasan SPT, SPS dan DBD untuk mengenal pasti isu-isu sebenar;
- Pelarasan injap air utama secara besar-besaran bagi “menyeimbangkan” agihan bekalan air ke semua daerah; dan
- Pemantauan yang lebih ketat terhadap paip utama untuk mengelakkan paip pecah serta mengesan dan menangani kebocoran kecil (jika ada).

Sila ambil maklum bahawa kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masing-masing berada pada paras 59.4% dan 53.8% pada 19.7.2025. PBAPP juga sedang “mempertahankan” kapasiti efektif empangan-empangan ini sehingga hujan yang dijangka pada bulan September tiba untuk mengisi semula empangan dengan sebanyak mungkin air.

Pemuliharaan Air

PBAPP memohon kerjasama dan kefahaman para pengguna air di Pulau Pinang untuk menggunakan air secara berhemat. Sila sokong sasaran penjimatan air domestik sebanyak 250 liter/seorang/sehari (LKH) bagi negeri Pulau Pinang. Untuk petua penjimatan air, sila layari www.pba.com.my.

Walaupun cuaca pada masa ini panas dan kering, perlu diingat bahawa Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang kekurangan air dengan sumber air yang terhad. Adalah tidak mudah untuk memberi respon terhadap lonjakan mendadak dalam penggunaan air.

PBAPP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun melaksanakan inisiatif seperti Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) dan Projek Air Perak-Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan air negeri pada masa hadapan.

Pengguna yang menghadapi isu bekalan air diminta untuk membuat **aduan rasmi melalui Pusat Panggilan 24-Jam PBAPP (tel: 255 8 255)**. PBAPP memerlukan semua data yang berkaitan. Bantulah kami untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah
Seksyen Komunikasi Korporat

Email : syarifah@pba.com.my